

# KONSEP PEMBERATAN HUKUMAN JENAYAH DALAM SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG SIVIL: PELAKSANAAN DAN IMPLIKASI

Muhammad Aunurrochim bin Mas'ad<sup>1</sup>, Abd Hamid bin Abd Murad<sup>2</sup>, Lukman bin Abdul Mutalib<sup>3</sup>,  
Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail<sup>4</sup>, Asming Yalawae<sup>5</sup>

Fakulti Syariah dan Undang-undang. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

## ABSTRAK

Pelaksanaan undang-undang sama ada Islam mahupun sivil adalah untuk melindungi, menjaga serta memperbaiki eko sistem daripada hal-hal yang dapat merosakkan kepentingan individu dan orang ramai. Panduan yang terdapat dalam undang-undang Syariah terdapat di dalam maqasid al-Syariah. Setiap jenayah di dalam undang-undang Syariah telah diperuntukkan hukuman sama ada dari aspek hudud, qisas mahupun takzir. Di dalam undang-undang Syariah, penerapan hukuman boleh memberikan bimbingan bagi pesalah dan penjenayah sekali gus mencegah jenayah dari berulang serta mengurangkan pertambahan bilangan penjenayah. Tindakan ini secara tidak langsung dapat menegakkan keadilan bagi masyarakat. Kertas kerja ini menghuraikan faktor-faktor yang boleh dipertimbangkan oleh hakim semasa menjatuhkan hukuman kepada pesalah. Kertas kerja ini juga menyenaraikan jenis hukuman serta implikasinya terhadap pesalah mengikut pendekatan syariah dan sivil. Kertas kerja ini diharap dapat menyenaraikan aspek pemberatan hukuman atau tasydid ke atas pesalah yang telah disabitkan melakukan kesalahan jenayah adalah dibenarkan selama mana ia menepati prinsip keadilan yang selari dengan perundangan Islam mahupun sivil.

Kata kunci: jenayah, pemberatan hukuman (tasydid), sivil, syariah

## PENDAHULUAN

Matlamat utama dari konsep pemberian hukuman sama ada dalam undang-undang jenayah Islam dan sivil adalah untuk menegakkan keadilan, memperbaiki dan melindungi setiap individu dan masyarakat umum serta menjaga ekosistem daripada perkara-perkara yang boleh menjejaskan hak dan kepentingan umum. Oleh itu, prinsip penjatuhan ke atas pesalah diharap dapat memberikan bimbingan dan asuhan kepada pesalah, penjenayah sekali gus mencegah jenayah dari berulang serta mengurangkan pertambahan bilangan penjenayah. (Abu Zahrat, 1998). Lebih daripada itu, Islam dengan kesempurnaan konsep undang-undang jenayah, lebih menumpukan pada lima unsur yang signifikan iaitu maqasid syariah: pertama, menjaga diri. kedua, menjaga harta. ketiga menjaga keturunan, keempat, menjaga akal, dan kelima, menjaga agama.

Secara umum, hukuman dalam konteks undang-undang jenayah merupakan konsep balasan (*retribution*) atas perbuatan penjenayah yang telah disabitkan telah melakukan suatu jenayah. Unsur pembalasan seumpama ini cukup beralasan dan selaras dengan konsep jenayah Islam yang digambarkan dalam Surah al-Maidah ayat 38 yang bermaksud:

*Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri maka potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai siksaan dari Allah.*

Dalam Surah al-Baqarah ayat 179 yang bermaksud:

*Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, Hai orang-orang yang berakal supaya kamu bertakwa.*

Kemudian ditegaskan pula oleh Allah (s.w.t) di dalam surah al-Syura ayat 40 yang bermaksud:

*Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa.*

Tetapi di sebalik ketegasan pelaksanaan undang-undang terdapat juga di dalamnya unsur pencegahan (*deterrence*) agar jenayah tidak berulang kembali dan juga unsur pemulihan agar penjenayah dapat kembali ke jalan yang lurus. Allah (s.w.t) berfirman di dalam Surah al-Zuhuf ayat 48 yang bermaksud:

*Dan Kami timpahkan azab kepada mereka supaya mereka kembali (ke jalan yang benar)*

Perspektif ini disokong oleh sebuah pernyataan yang dikemukakan oleh Ibn al-Humam, seorang ulama dari kalangan mazhab Hanafi:

*Hukuman berfungsi sebagai pencegah agar jenayah tidak berlaku dan balasan setelah berlakunya jenayah. Dengan adanya penetapan suatu hukuman ia dapat mencegah berlakunya jenayah sekali gus memberikan pelajaran bagi yang lain untuk tidak melakukan. Kerana maksud ditetapkan hukuman adalah untuk menghindar, mencegah serta menyiksa apa-apa yang memudaratkan hamba Allah. (Ibn al-Humam, 1995)*

Salmond, seorang pakar undang-undang Inggeris, menyatakan:

*"To suffer punishment is to pay a debt due to the law that has been violated, guilt plus punishment is innocent."*

*"Menanggung hukuman seperti halnya membayar hutang dari segi undang-undang yang dilanggar, dan kesalahan (dengan dikenakan hukuman) dianggap tidak bersalah." (Salmond, 1966)*

## **PENGERTIAN PEMBERATAN HUKUMAN**

Pemberatan hukuman atau yang lebih dikenal dengan istilah *tasydid* dan *taghliz* dalam konteks undang-undang jenayah Islam (hudud) adalah menambah kadar kekuatan pelaksanaan hukuman misalnya dengan menguatkan pukulan dalam hukuman sebat, bukan dengan menambah bilangan sebat. yang telah ditetapkan oleh Allah melalui ayat-ayat hukum. (Abu Zahrah, 1998) Manakala pengertian pemberatan hukuman dalam konteks undang-undang jenayah sivil adalah suatu keadaan, sebab yang menyebabkan bertambahnya hukuman seperti menjatuhkan hukuman maksimum kepada pesalah yang kerap melakukan sesuatu jenayah. Dengan kata lain, faktor-faktor yang memberatkan

hukuman merupakan sebab atau perkara atau keadaan yang ditetapkan oleh undang-undang dan menjadi pertimbangan bagi hakim sebelum memutuskan atau menjatuhkan hukuman bagi pesalah. Seseorang hakim, di dalam proses menjatuhkan hukuman, perlulah meneliti faktor-faktor yang boleh meringankan ataupun memberatkan pelaksanaan sesuatu hukuman.

## **FAKTO-FAKTOR YANG MEMBERATKAN DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM**

### **a. Kesalahan berat**

Kriteria suatu bentuk jenayah yang dilakukan oleh pesalah adalah menjadi sebuah acuan untuk mensabitkan hukuman apa yang sesuai bagi seseorang penjenayah. Dalam hal ini, undang-undang jenayah Islam telah menetapkan bahawa jenayah hudud dan qisas adalah termasuk dalam kategori kesalahan berat. Natiujahnya adalah bahawa jika seseorang yang telah disabitkan melakukan salah satu dari jenayah hudud, maka ia akan dikenakan hukuman yang sesuai dengan ketentuan syarak, tanpa ada sesiapaupun yang boleh menambah, mengurangi atau bahkan menafikan dan mengganti dengan bentuk hukuman lain. Situasi ini adalah disebabkan hak mutlak penjatuhan sesuatu hukuman di sisi hukum adalah berpandukan hukum syarak tanpa ada campur tangan dari pihak manapun.

Sebagai contoh, sekiranya seorang pezina *muhsin* tersabit dengan kesalahan tersebut dengan empat saksi maka pezina tersebut harus dirajam tetapi jika tidak *muhsin* maka hukumannya adalah seratus kali sebatan. Kesalahan minum arak juga akan dikenakan sebat sebanyak empat puluh kali jika sabit kesalahan begitu juga pencuri dikenakan hukuman potong tangan jika sabit kesalahan dan. Islam tidak mengenal pengecualian belas kasih dalam pelaksanaan hukuman. Sesiapa yang melakukan sesuatu kesalahan misalnya mencuri sama ada benda yang dicuri sedikit ataupun banyak hukumannya tetap dijalankan. Perkara ini pernah diterapkan oleh Rasul (s.a.w) di mana baginda menghukum pencuri sebiji telur dan sutas tali dengan potong tangan. (Ibn Hajar, 1994)

### **b. Kesalahan yang dilakukan secara berulang kali**

Faktor perlakuan sesuatu kesalahan yang dilakukan secara berulang kali bukanlah dianggap satu faktor yang memberatkan hukuman. Terdapat dua teori yang terpakai di dalam situasi di mana seseorang melakukan satu kesalahan berulang kali. Teori tersebut menyatakan bahawa penjatuhan hukuman ke atas seseorang pesalah bukanlah terletak kepada kekerapan sesuatu kesalahan itu dilakukan. (Audah, 1992).

Pertama, teori *tadahul*, iaitu apabila seorang penjenayah melakukan beberapa kesalahan jenayah hudud dan hukuman dari setiap kesalahan saling berkaitan (*tadahul*) maka cukup diperuntukkan baginya satu hukuman sahaja. Sebagaimana jika ia melakukannya sekali. (Ibn al-Humam, 1995) Teori ini terbahagi menjadi dua bahagian.:

- i. Jika suatu kesalahan yang sama dilakukan secara berulang kali, misalnya, mencuri atau zina atau qazaf dan sebagainya, maka pelaksanaan hukumannya hanya

sekali meskipun jenayah tersebut dilakukan secara berulang kali. Dengan kata lain seorang pesalah tersebut dianggap hanya melakukan sekali sahaja. (Ibn Qudamah, 1994) Tetapi sekiranya sudah dikenakan hukuman pada kali pertama maka hendaknya dilaksanakan hukuman yang lain. Contoh, kesalahan mencuri pada kali pertama akan dikenakan potong tangan kanan dan potong tangan kiri sekiranya melakukannya pada kali kedua. Tetapi dalam kes rompakan dan curi atau zina muhsan dan bukan muhsan maka hukuman yang berat wajib dikenakan meskipun kedua-duanya dianggap kesalahan curi atau zina.

- ii. Jika penjenayah melakukan beberapa kesalahan hudud dari jenis yang berbeza (mencuri, berzina, tuduhan zina dan sebagainya) hendaknya dijatuhkan hukuman yang berlainan. Dengan kata lain, setiap kesalahan akan dikenakan hukuman yang berbeza berdasarkan perbezaan latar belakang tujuan pelaksanaan hukuman kesalahan. Contoh, hukuman kesalahan curi untuk menjaga harta, hukuman kesalahan zina untuk menjaga keturunan dan kesalahan meminum arak untuk menjaga akal dan sebagainya

Kedua. Teori *al-jubb*. iaitu cukup dengan menjatuhkan satu hukuman tanpa pelaksanaan hukuman yang lain. Dan ini hanya berlaku pada kes-kes yang di dalamnya terdapat hukuman bunuh sahaja. Teori ini disokong oleh sebahagian besar ulama di antaranya Abu Hanifah, Malik dan Ahmad kecuali Syafii. Namun mereka yang menyokong teori ini berbeza pandangan dalam mengaplikasikannya. (Saraf al-din Musa, 1999/1419H )

### c. Status pesalah

Status pesalah juga merupakan faktor yang boleh menyebabkan pemberatan hukuman. Tahap hukuman yang dikenakan kepada pesalah zina *muhsan* berbeza dengan tahap hukuman pesalah zina yang bukan muhsan. Bagi pesalah zina *muhsan* dihukum rejam sampai mati, sedangkan pesalah zina yang tidak muhsan dihukum sebat 100 kali sebatan. Seandainya di antara isteri Rasul ada yang berbuat *fahisah* (perbuatan keji) maka hukumannya lebih berat berbanding hukuman yang diperuntukkan bagi perempuan-perempuan biasa. Sebagaimana firman Allah (s.w.t) dalam Surah al-Ahzab ayat 30. yang bermaksud:

*Hai isteri-isteri Nabi! Sesiapa di antara kamu yang mengerjakan perbuatan keji yang nyata, niscaya akan dilipat gandakan seksaan kepada mereka dua kali ganda, dan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.*

### d. Bentuk kesalahan yang dilakukan

Di antara faktor-faktor lain yang dapat memberatkan hukuman adalah bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pesalah. Ertinya, sampai tahap mana kadar kerosakan yang ditimbulkan oleh pesalah/penjenayah dan bagaimanakah ia melakukan jenayah tersebut?. Adakah disertai dengan bentuk kesalahan hudud lain yang dapat membahayakan masyarakat umum?. Sebagai contoh: Kes rompak (hiraba) yang hanya menakut-nakutkan masyarakat umum sahaja tanpa merampas harta mereka dan tanpa membunuh maka dalam masalah ini ada berapa pendapat:

- i. Abu Hanifah dan Imam Ahmad: Hukuman mereka cukup dengan *al-nafyu* (hukuman penjara) atau diasingkan dari masyarakat umum. (Al-Kasaniy, 1986)

- ii. Mazhab Syafi'i dan Syiah Zaidiyyah: Hukuman bagi mereka adalah *ta'zir* atau *nafyu* (pengasingan).
- iii. Imam Malik: Penjatuhan hukuman diserahkan kepada bidang kuasa seorang hakim atas dasar ijtihad demi kemaslahatan umum. Ertinya mekanisme pelaksanaan hukum boleh secara bunuh, atau disalib atau potong (tangan atau kaki), atau diasingkan. (Ibn Rushd, 1988/1407H) Tetapi kalau seandainya perompak hanya merampas harta dan tidak membunuh maka hukuman bagi mereka menurut Abu Hanifah, Imam Syafi'i, Imam Ahmad dan Syiah Zaydiyyah adalah potong tangan kanan dan kaki kiri. Sedangkan kalau mereka membunuh tanpa merampas harta, maka hukumannya adalah bunuh. (Abu Hanifah, Imam syafi'i dan sebuah riwayat dari Imam Ahmad dan salah satu dari pendapat dari Syiah Zaydiyyah).

Akan tetapi apabila mereka merompak dan membunuh mangsanya, maka di sini ada beberapa pandangan:

- i. Abu Hanifah: Hukuman yang boleh dijatuhkan ke atas mereka adalah potong tangan dan kaki yang kemudian dibunuh atau disalib, atau dibunuh sahaja tanpa disalib atau disalib sahaja.
- ii. Imam Syafi'i, Imam Ahmad dan Abu Yusuf: hukuman bagi mereka adalah bunuh dan disalib. (Ibn Rushd, 1988/1407H)

## **FAKTOR-FAKTOR YANG MEMBERATKAN HUKUMAM DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH SIVIL**

### **a. Melakukan kesalahan secara rutin (berulang kali)**

Undang-undang telah menetapkan hukuman yang tegas terhadap kesalahan-kesalahan tertentu, seperti mengedar dadah, menggunakan senjata api dan sebagainya. Sama ada dilakukan secara rutin (berulang kali) atau secara berasingan. (Hashim bin Mehat, 1993)

Dalam kes Lee Chow Meng lwn. PP, [1976] 1 MLJ 287. Hakim Abdul Hamid telah bersetuju dengan apa yang diputuskan oleh Mahkamah sesyen apabila Presiden mengambilkira kekerapan rompakan bersenjata di Kuala Lumpur apabila beliau menghukum pesalah. Beliau telah mengenakan hukuman tujuh tahun penjara dan lima kali sebatan untuk kesalahan merompak dengan senjata yang boleh membawa maut, dan sepuluh tahun penjara dengan enam kali sebatan kerana memiliki senjata api dan tujuh tahun penjara kerana kesalahan memiliki peluru. Kesemua hukuman-hukuman itu berjalan berturutan.

### **b. Keseriusan sesuatu kesalahan**

Keseriusan sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh pesalah dalam konteks undang-undang jenayah sivil dapat dianggap menjadi faktor penyebab pemberatan sesuatu hukumam sama ada pihak pesalah telah membuat pengakuan bersalah atau kesalahan tersebut merupakan kesalahan kali pertama yang dilakukan oleh pesalah. Kerana kriteria kesalahan yang serius itu diukur melalui kesan negatif yang berimpak terhadap masyarakat umum. (Hashim bin Mehat, 1993)

Dalam kes Wong kai Chuen lwn. P.P., [1991] 1 MLJ 32), perayu adalah penguambela dan penguamcara telah mengaku bersalah dan telah disabitkan atas dua kesalahan jenayah pecah amanah, perayu telah dijatuhkan hukuman tiga tahun penjara ke atas setiap satu kesalahan. Mahkamah dalam menolak rayuan menyatakan bahawa kesalahan jenayah pecah amanah itu sendiri adalah kesalahan serius dan apabila ia dilakukan oleh peguam maka ia memberatkan lagi tingkat keseriusan kesalahan itu. Jenayah pecah amanah yang dilakukan oleh seseorang peguam semasa melaksanakan tanggungjawabnya sudah pasti akan dihukum dengan hukuman pengurangan sebagai pencegahan bukan sahaja untuk pesalah tetapi juga untuk mencegah mereka yang terlibat dalam profesi ini dari melakukan kesalahan yang sama. Kenyataan ini adalah bertujuan untuk melindungi dan memelihara kepentingan dan hak orang ramai di sisi undang-undang.

### **c. Status pesalah**

Kedudukan pesalah juga merupakan salah satu faktor yang dapat memeberatkan hukuman. Mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan atau status sosial yang tinggi dan dipandang mulia di mata masyarakat ataupun mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat jika melakukan kesalahan terutamanya rasuah dan pecah amanah akan menerima hukuman yang lebih berat.

Dalam kes datuk Hj. Harun lwn. P.P., [1978} 1 MLJ 240. perayu pertama (Datuk Harun), Menteri Besar Selangor pada waktu itu, telah disabitkan di atas kesalahan pemalsuan dan bersubuhat dalam jenayah pecah amanah yang dilakukan oleh perayu kedua. Mahkamah telah menjatuhkan hukuman enam bulan penjara atas kesalahan pemalsuan dan denda sebanyak RM 15,000 (jika gagal membayar dihukum enam bulan penjara) atas kesalahan bersubuhat dalam jenayah pecah amanah. Hakim Mahkamah Persekutuan menambah hukuman kepada empat tahun penjara untuk kesalahan pertama dan tiga tahun penjara untuk kesalahan kedua dan hukuman berjalan serentak. Ini kerana perayu telah menyalagunakan kedudukannya sebagai pemimpin yang dipandang tinggi oleh masyarakat dengan memberi sokongan terhadap jenayah pecah amanah daripada wang telah diamanahkan kepada mereka. Oleh itu, perayu ini seharusnya berada lebih lama di dalam penjara daripada perayu kedua.

### **d. Rekod buruk pesalah**

Mahkamah sebelum menjatuhkan hukuman penjara terhadap pesalah, terlebih dahulu mempertimbangkan dengan melihat rekod kesalahan yang pernah dilakukan oleh pesalah. Maka seseorang pesalah yang mempunyai rekod buruk kerana terlibat dengan kesalahan yang pernah dilakukannya akan menerima hukuman yang lebih lama. Selain daripada itu ada juga unsur lain iaitu, watak buruk pesalah yang dapat menjadi pertimbangan dan diterima untuk mematahkan sebarang pembelaan yang dapat digunakan oleh tertuduh selagi nilai kejujuran keterangan itu melebihi kesan kemudaratan. Di dalam kes Junaidi bin Abdullah lwn. P.P dan Perayu lain [1994} 3 MLJ 751, watak buruk pesalah telah dijadikan alasan oleh mahkamah untuk menjatuhkan hukuman berat ke atas pesalah.

Dalam kes Yusuf bin Mohamed lwn. P.P., [1995] 3 MLJ 66, Mahkamah dalam menolak permohonan untuk jaminan, menjelaskan sebab-sebab penolakan itu adalah kerana jelas dari rekod sabitannya yang terdahulu bahawa beliau telah terbabit dalam banyak kesalahan yang mempunyai ciri-ciri yang sama dan mempunyai kecenderungan untuk melakukan kesalahan yang sama jika diberi jaminan.

## RUMUSAN

Undang-undang jenayah Islam dan sivil telah menetapkan beberapa perkara yang dianggap sebagai faktor yang boleh memberatkan hukuman jenayah. Sungguh pun demikian, dari segi pelaksanaan hukuman adakah ke semua faktor tersebut dapat menjadi pertimbangan dari segi aplikasinya? Kenyataan ini boleh menunjukkan adanya persamaan konsep secara umum antara kedua-dua sumber tersebut. Oleh yang sedemikian ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dalam membuat perbandingan antara kedua-duanya. Di dalam undang-undang Syariah dan sivil, faktor keseriusan kesalahan yang telah dilakukan dilihat dari dua sudut, iaitu, Pertama timbulnya kekerasan (*violence*) dan penggunaan senjata api atau tajam dalam melakukan tindak jenayah seperti perompakan, rogol atau penculikan dan sebagainya; dan kedua, Keadaan yang mempengaruhi sesuatu kes dan kesan negatif yang ditimbulkan dari tindakan jenayah terhadap masyarakat umum dalam segala aspek kehidupan. (Hashim bin Mehat, 1993) Oleh itu, sangatlah tepat dan bijaksana apabila seorang pesalah yang melakukan tindak kejahatan tersebut akan mendapatkan hukuman yang setimpal sesuai dengan kesalahan yang ia lakukan. Dalam undang-undang jenayah Islam pun juga telah ditetapkan bahawa kesalahan hudud termasuk dalam kategori kesalahan berat dan hukumannya sudah ditentukan oleh Allah (s.w.t) tanpa ada campur tangan hakim untuk menambah, mengurangi bahkan mengganti dengan hukuman lain. Misalnya, kes zina yang berkahwin lebih berat hukumannya daripada hukuman zina bagi yang belum berkahwin dan dalam kes hirabah mereka yang merompak dan membunuh lebih berat hukumannya daripada yang hanya merompak sahaja dan sebagainya. (Hashim bin Mehat, 1993)

Status Pesalah di dalam masyarakat juga menjadi faktor pemberatan penjatuhan hukuman. Kedudukan pesalah dalam perspektif Undang-Undang Islam dan moden merupakan faktor yang dapat memberatkan hukuman. Ertinya seseorang yang mempunyai status sosial yang tinggi, sama ada dalam masyarakat ataupun dalam struktur pemerintahan dapat dikenakan hukuman yang lebih berat berbanding masyarakat biasa sekiranya ia terlibat dalam kesalahan jenayah terutama dalam kes pecah amanah ataupun rasuah. Contoh kes dalam Undang-Undang sivil adalah kes Datuk Harun lwn P.P di mana hakim berpendapat bahawa perayu pertama (Datuk Harun) hendaklah dikenakan hukuman penjara yang lebih lama dari perayu kedua dan hukuman penjara itu telah ditambah kepada empat tahun bagi kesalahan pertama dan tiga tahun bagi kesalahan kedua. Dalam Undang-Undang Jenayah Islam juga demikian apabila seorang istri Rasul yang berbuat *fahisah* akan dikenakan hukuman yang lebih berat berbanding dari wanita biasa. Orang yang merdeka (*hurr*) hukumannya lebih berat berbanding hukuman seorang hamba abdi sekiranya disabitkan melakukan jenayah. Dalam kes zina, seorang hamba abdi (belum berkahwin) jika berzina hanya dikenakan 50 sebatan sedangkan orang yang merdeka dan belum berkahwin dikenakan 100 sebatan. Dalam kes qazaf, seorang hamba abdi hanya dikenakan 40 sebatan manakala bagi orang yang merdeka dikenakan 80 sebatan. (Hashim bin Mehat, 1993)

## PENUTUP

Dalam kajian yang singkat dan menerusi pendekatan yang komprehensif, dapat disimpulkan bahawa antara kedua konsep undang-undang Jenayah Islam dan sivil terdapat sebuah kesamaan rumusan ke atas sebahagian keputusan. Tetapi dari segi kandungan dan teori penerapannya tidaklah sama. Apabila mahkamah telah mensabitkan kesalahan hudud bagi seorang penjenayah, maka faktor-faktor yang memberatkan hukuman dalam konteks undang-undang jenayah Islam tidak mempengaruhi pelaksanaan hukuman hudud. Oleh kerana kesalahan hudud itu termasuk dalam kategori kesalahan yang serius (berat) dan hukumannya adalah mutlak dari Allah (s.w.t) tanpa ada campur tangan dari pihak lain, maka pemberatan hukuman bukanlah dari aspek jumlah sebatan akan tetapi pembaratan adalah dari segi kekuatan pelaksanaan sebatan ke atas pesalah. Dalam konteks undang-undang Jenayah sivil, seorang hakim mempunyai bidangkuasa untuk menjatuhkan sesuatu hukuman yang berat jika ia melihat faktor-faktor yang dapat menyokong pemberatan hukuman sama ada sebagai tindakan pencegahan atau untuk kemaslahatan umum atau permohonan dari pihak pendakwa..

## RUJUKAN

- Abu Zahrat, Muhammad. 1998. *al-Jarimat wa al-Uqubah fi al-Fiqh al-Jina'iy*. Beyrut: Dar al-Fikr al-<sup>o</sup>Arabiy.
- al-Kasaniy, <sup>o</sup>ala' al-Din Abu Bakr ibn Mas<sup>o</sup>ud. 1986. *Bada' al-Sana' fi Tartib al SharÉf*. Beyrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah
- Audah, Ab al-Qadir. 1992. *al-Tasyri al-Jina'iy al-Islamiy Muqarinan bi al-Qanun al-Wad'iy*. Beyrut: Mu'assasah al-Risalah.
- Bahansiy, Ahmad Fathiy. 1963. *Nazariyat al-Fiqh al-Jina'iy Dirasat Fiqhiyyat Muqaranat*. Kaherah: al-Syirkat al-<sup>o</sup>Arabiyyat li al-Tib<sup>o</sup>at wa al-Nasyr.
- Hashim bin Mehat. 1993. *Malaysian Law and Islamic Law on Sentencing*. International Law Book Service.
- Ibn al-Humam, Kamal al-DÉn Mu'ammad ibn <sup>o</sup>Abd al-Wahid, al-Saywksiy. 1415H/1995. cet 1. *Sharh Fath al-Qadir*. Beyrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah.
- Ibn Hajar, Ahmad Ibn <sup>o</sup>Aliy ibn xajar al-<sup>o</sup>AsqalÉniy. 1994/1414H. *Fath al-Bāriy Sharh Sahih al-Buhkariy*. sunt. <sup>o</sup>Abd al-<sup>o</sup>Aziz ibn al-Baz. Dar al-Fikr, Beyrut.
- Ibn Rushd, Mu'ammad ibn Alímad ibn Mu'ammad. 1988/1407H. cet 1. *Bidayah al-Mujtahid*. Beyrut: DÉr al-Qalam.
- Ibn Qudamah, Abu Mu'ammad <sup>o</sup>Abd Allah ibn Alímad. 1994/1414H. *al-Mughniy*. Beyrut: DÉr al-Fikr.
- Salmond, John William. 1966. *Salmond On Jurisprudence*. Ed.,by P.J. Fitzgerald.



Syaraf al-Din Abu al-Naja Musa ibn Ahmad In Musa ibn Salim ibn Isa ibn Sali al-Hijawiy.  
1999/1419H. *Al-Iqna<sup>c</sup> li Talib al-Intifa<sup>c</sup>*. Riyad: Dar <sup>c</sup>Alam al-Kutub.